



HIAS...  
sesi menghias  
kucing antara  
aktiviti menarik  
ketika pameran.

# Layan si come

## Sanggup berbelanja besar kerana kucing kesayangan

>>Oleh Hajahfarhana Tarmudi

hajahfarhana@hmetro.com.my

TIDAK kira kucing daripada pelbagai jenis sama ada baka kucing kampung, hutan ataupun kacukan, minat kepada rupanya yang comel dan sifatnya yang manja membuatkan ada peminat haiwan ini sanggup berhabis duit hingga puluhan ribu ringgit bagi mendapatkan baka berkualiti.

Menurut Pengurus Persatuan Peminat Kucing Malaysia (MCFA), Ismail Mohd Ali, tidak hanya sanggup berhabis duit, kini kebanyakan pemilik kucing mengambil langkah keselamatan untuk memastikan haiwan kesayangan mereka mendapat perlindungan sepatutnya.

"Disebabkan harga kucing tinggi, pemilik mengambil langkah tersendiri bagi memastikan haiwan peliharaan mereka terjamin keselamatannya

melalui penggunaan cip mikro.

"Alat ini biasanya digunakan sebagai pengesas atau membantu mengenal pasti identiti kucing jika berlaku kecurian atau hilang.

"Melalui alat ini, ia membantu kita mencari kucing hilang dengan lebih mudah kerana dapat dikesan dengan bantuan cip mikro dalam badan kucing.

"Caranya mudah dan kos menyuntik cip mikro di bahagian belakang kucing juga tidak terlalu tinggi iaitu RM80 seumur hidup.

"Ia sedikit sebanyak dapat memberi peluang kepada pemilik kucing menjaga identiti kucing dan memberikan perlindungan sepatutnya kepada haiwan kesayangan.

"Cip mikro akan kekal dalam badan kucing selama-lamanya. Jika di luar negara, cip ini digunakan untuk memastikan pembeli haiwan peliharaan secara import tidak tertipu dengan tawaran dijanjikan dengan membuat teknik imbasan pada cip mikro yang dipasang,"

kata Ismail ketika ditemui pada pameran kucing di pusat beli-belah Viva Home, Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur.

Tambahnya, pameran kucing untuk mendidik orang ramai mengenai hobi memelihara kucing yang juga dapat menjana pendapatan. Namun yang penting adalah menyayangi haiwan peliharaan itu.

Sementara itu, menurut Pengurus Besar Viva Mall Sdn Bhd, Kenny Chin, pameran kucing dengan kerjasama MCFA seumpama itu adalah kali pertama diadakan di pusat beli-belah berkenaan sejak ia dibuka pada 15 April 2010.


"Ia diadakan khas dengan menawarkan pameran dinamik baka kucing terkenal di Malaysia untuk melahirkan minat dan mendidik orang ramai mengenai haiwan peliharaan ini.

"Tidak hanya pameran, kami turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk keluarga dan pencinta kucing sambil mendapatkan barang rumah di pusat beli-belah ini.

"Pameran yang menampilkan beberapa baka terkenal dengan status kejohanan dunia dalam pertandingan kucing itu ada yang bernilai sehingga RM50,000. Justeru, pameran ini turut memberi peluang kepada orang ramai melihat kucing terbabit secara lebih dekat," katanya yang menganggarkan lebih 10,000 pengunjung hadir di pameran itu.

Pameran terbabit mempamerkan lebih 100 kucing setiap hari daripada 20 baka terkenal seperti Savanah, Bengal dan American Short Hair pada 24 hingga 29 Februari ini.

Bermula jam 12 tengah hari hingga 10 malam, pengunjung berpeluang menjalankan pelbagai aktiviti bersama seisi keluarga seperti melukis dan mewarna, pertandingan mewarna batik bercorak kucing, ceramah mengenai baka serta sesi menghias kucing.



CANTIK...kucing bernama Autumn Bliss meraih gelaran dunia sebagai American Short Hair Terbaik 2011 turut dipamerkan.